

DAP cuma pandai guna isu perkauman

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

SEREMBAN, Ahad — Si-
kap DAP yang cuma
pandai menggunakan
isu perkauman untuk
menarik pengundi, te-
tapi tidak tahu menye-
lesaikan masalah yang
dibangkitkan, diselar-
oleh Menteri Buruh, Da-
tuk Mak Hon Kam.

"DAP memang bijak me-
nimbulkan syak wa-
sangka antara kaum,
tetapi selepas itu mem-
biarkan masalah itu di-
selesaikan oleh pihak
lain," katanya.

Ketika berucap di jamuan
makan malam untuk
tabung Pemuda MCA
di sini malam tadi, Da-
tuk Mak sekali lagi
m e n g i n g a t k a n
pengundi-pengundi di
Seremban supaya
jangan mudah ter-
pengaruh dengan
amalan kotor DAP itu.

"DAP hanya pandai me-
laung-laungkan sesua-
tu isu, tetapi tidak per-
nah menyelesaikan
masalah kaum Cina.
Sebaliknya, mereka
hanya memburukkan
keadaan," tambahnya.

Datuk Mak, yang juga Pe-
mangku Timbalan Pre-
siden MCA, kemudian
menegaskan bahawa
DAP tidak pernah
mengakui keupayaan
pemimpin wanita.

Kerana keadaan ini, kata
beliau, wanita yang
merangkumi 49 per-
atus dari pengundi di
sini tidak sepatutnya
memberi undi kepada
parti yang tidak
mengiktiraf kemam-
puan mereka.